

Bab Dua

Bab Dua

BAB DUA

SEJARAH PENUBUHAN DAN OPERASI BANK RAKYAT

2.1 Pendahuluan

Bab ini akan menjelaskan sejarah penubuhan dan operasi Bank Rakyat sebagai sebuah institusi kewangan di Malaysia. Perbincangan akan meliputi pelbagai aspek-aspek penting seperti sejarah penubuhan bank, wawasan bank, lagu korporat bank, rasional logo bank, organisasi bank, operasi bank, sumber dana bank dan diakhiri dengan laporan kewangan Bank Rakyat yang terkini.

2.2 Sejarah Penubuhan Bank Rakyat

Pada tahun 20-an badan kewangan yang berasaskan prinsip koperasi bertujuan untuk kepentingan para petani dan juga nelayan telah banyak ditubuhkan. Pada 11 Oktober 1923 badan kewangan yang pertama telah didaftarkan dengan nama Syarikat Kampong Bekerjasama Bagan Tiang Jimat-Cermat Pinjam-Meminjam Dengan Tanggungan Tidak Berhad di bawah Enakmen Syarikat Kerjasama. Rentetan penubuhan syarikat tersebut, beberapa buah lagi badan kewangan telah ditubuh dan didaftarkan di seluruh negara. Pada tahun 50-an, menyaksikan syarikat-syarikat kerjasama kampung ini telah bergabung dan menubuhkan beberapa buah bank persatuan di kawasan masing-masing. Pada 7 Jun 1950, bank persatuan yang pertama telah didaftarkan dan ianya dikenali dengan nama Bank Persatuan Bekerjasama-sama

Seberang Perai Dengan Tanggongan Berhad, sehingga akhir Jun 1954, sebanyak 12 buah bank persatuan telah didaftarkan.

Pada Julai 1954, satu perjumpaan telah diadakan di Bukit Mertajam, Pulau Pinang yang dihadiri oleh wakil-wakil bank persatuan kerjasama di seluruh negara. Dalam perjumpaan tersebut, keputusan telah diambil untuk menubuhkan Bank Agong Kampong Bekerjasama-sama Persekutuan Tanah Melayu Dengan Tanggongan Berhad. Bank ini telah didaftarkan dibawah Ordinan Syarikat Kerjasama 1948 pada 28 September 1954¹ yang beribu pejabat di Bukit Mertajam. Ahli-ahlinya terdiri daripada 11 bank persatuan kerjasama. Antara tujuan utama bank ini ditubuhkan adalah untuk memberi bantuan, meninggikan taraf hidup ahli-ahlinya dan koperasi-koperasi lain melalui kegiatan dalam bidang kewangan, perusahaan, pertanian dan perniagaan di dalam mahupun di luar bandar. Bank inilah yang merupakan asas kepada penubuhan Bank Rakyat yang ada sekarang.²

Pada Disember 1961, melalui Mesyuarat Agong Bank telah diputuskan supaya ibu pejabat bank dipindahkan ke Kuala Lumpur dan diperluaskan lagi skop dan tujuannya untuk membeli dan memiliki harta-harta seperti tanah, bangunan-bangunan dan bahan-bahan lain untuk kepentingan ahli-ahlinya. Mesyuarat Agong telah diadakan lagi pada tahun 1964 di mana undang-undang kecil telah dipinda supaya nama bank ini ditukar nama kepada Bank Agong Kerjasama Malaysia Berhad

¹ Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) Info, www.bankrakyat.com.my, pada 25 Februari 2002.

² Parlimen Malaysia (1979), *Kedudukan Bank Rakyat*. Kuala Lumpur: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, h. v.

atau ringkasnya Bank Agong (*Apex Bank*). Manakala pada tahun 1966, sekali lagi nama bank telah ditukar nama kepada Bank Kerjasama Malaysia Berhad atau ringkasnya Bank Kerjasama.

Atas desakan orang ramai, keahliannya telah dibuka kepada koperasi-koperasi berdaftar dan individu perseorangan.³ Seterusnya segala skop aktiviti bank tidak lagi tertumpu kepada urusan-urusan koperasi sahaja, malahan ianya terbuka kepada orang ramai untuk menjalankan segala aktiviti perbankan dan urusan pinjaman kewangan yang berkaitan dengan koperasi. Tahun 1968 pula menyaksikan cawangan pertama telah ditubuhkan di Sungai Petani, Kedah.⁴ Sekitar tahun 1968 hingga 1969, beberapa cawangan Bank Kerjasama telah dibuka di Alor Star, Muar, Kangar dan Bagan Serai.

Pindaan-pindaan Undang-undang kecil telah membolehkan Bank Kerjasama menubuhkan anak-anak syarikatnya. Selaras dengan peranannya yang semakin meluas, pada 6 Januari 1973, namanya sekali lagi telah ditukarkan kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad atau ringkasnya Bank Rakyat. Sehingga tahun 1975, Bank Rakyat telah mempunyai 17 buah cawangan bank seperti di Kota Bharu, Melaka, Sungai Besar, Kuala Lumpur, Temerloh, Baling, Kuala Terengganu, Pontian, Kajang, Telok Anson, Kuantan dan Johor Bharu.⁵

³ *ibid.* ; Temubual dengan Encik Muhamad Rosnu Abd. Ghafar, Eksekutif Jabatan Perhubungan Awam, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad pada 28 Januari 2002.

⁴ Penulis Khas (1994), "Melalui Liku Sejarah Bank Rakyat" dalam *Majalah Rakyat*, bil. 3. Kuala Lumpur: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, h. 11.

⁵ Encik Muhamad Rosnu Abd. Ghafar, *op.cit.* ; Parlimen Malaysia (1979), *op.cit.*, h. 3.

Seterusnya, Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978, telah dikuatkuasakan pada 16 Februari 1978.⁶ Dengan berkuatkuasanya akta tersebut, Kerajaan telah melantik sebuah Lembaga Pengarah yang baru bagi tujuan menjalankan tugas-tugas pentadbiran hal ehwal perniagaan Bank Rakyat. Seterusnya Akta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Peruntukan Khas) 1978 juga telah meletakkan Bank Rakyat di bawah penyeliaan Menteri yang bertanggungjawab bagi kemajuan koperasi. Bank Rakyat juga telah didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993 yang memerlukan merujuk terus kepada Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi bagi mendapat persetujuan dalam melaksanakan apa-apa produk kewangan yang baru⁷. Bank Rakyat agak berbeza dengan bank-bank lain di Malaysia, di mana sebagai sebuah bank koperasi ia tidak tertakluk kepada pengawalan dan pengawasan Bank Negara.

Seterusnya, pada Mac 1983, Dato' Anuar Jaafar telah dilantik selaku Pengarah Urusan Bank Rakyat, dan ini membantu mempertingkatkan prestasi kewangan Bank Rakyat berbanding sekitar tahun 70-an. Sepanjang tahun 1983 hingga 1989, keuntungan bersih yang diperolehi meningkat begitu mendadak kepada RM 25.8 juta pada tahun 1989 berbanding RM 5.8 juta pada tahun 1983.⁸ Jumlah pendeposit juga bertambah dalam tempoh 5 tahun sejak tahun 1983 iaitu sebanyak

⁶ Parlimen Malaysia (1979), *op.cit.*, h. vii. ; Cheah Kooi Guan (1994), *Institusi Kewangan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 185.

⁷ Encik Muhamad Rosnu Abd. Ghafar, *op.cit.* ; Ab. Mumin Ab. Ghani (1999), *Sistem Kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, h. 355

⁸ Lihat Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (1993), "Prestasi Keuntungan Bank Rakyat Sejak 1985", dalam *Majalah Rakyat*, bil 1. Kuala Lumpur: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, h. 4.

34,420 ahli pada tahun 1989 berbanding 29,002 ahli pada tahun 1983.⁹ Ekoran daripada itu, pembukaan cawangan Bank Rakyat juga telah meningkat kepada 28 buah cawangan pada tahun 1989.¹⁰

Pada Julai 1990, buat pertama kalinya dalam tempoh 14 tahun Bank Rakyat mengisytiharkan pemberian dividen dan saham bonus kepada ahli-ahlinya pada kadar 10% serta bonus sebanyak 20% juga diisytiharkan bagi tahun kewangan berakhir Disember 1990 dan 1991. Manakala pada tahun 1992 pula, jumlah keuntungan Bank Rakyat meningkat kepada RM 26.15 juta dan aset bank juga menjangkau kepada RM 2371.35 juta, peningkatan sebanyak 34% berbanding tahun 1990.¹¹ Sehingga 30 Jun 1993, ahlinya berjumlah 49 768, yang terdiri daripada 766 koperasi dan 49 002 ahli perseorangan.¹²

Seterusnya, pada Mei 1993,¹³ Bank Rakyat telah mengambil langkah bersejarah dengan melancarkan Sistem Perbankan Syariah secara rasmi oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Affifudin Haji Omar, Pengerusi Bank Rakyat di Kuala

⁹ Lihat *Dewan Masyarakat* (1994), "Dato' Anuar Jaafar Bersama Bank Rakyat" keluaran Oktober 1994, h. 4.

¹⁰ Bank Rakyat (1994), *Wang Dan Urusan Bank di Malaysia*, cet. 4. Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia, h. 318.

¹¹ Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (1994), "Kedudukan Prestasi Bank Rakyat dari Tahun 1985 hingga 30 Jun 1994", dalam *Majalah Rakyat*, bil 3. Kuala Lumpur: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, h. 14.

¹² Dinsman (Januari 1994), "Sistem Perbankan Syariah Bank Rakyat" dalam *Dewan Masyarakat*, Keluaran Januari 1994, h. 8.

¹³ *Berita Harian* (2001), "Bank Rakyat Tawar Pelbagai Kemudahan Berkonsep Syariah", Sabtu, 27 Oktober 2001, h. 8 ; Dinsman (1994), *op.cit.*, h. 8 ; Lihat juga Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (1993) "Pelaksanaan Perbankan Syariah di Bank Rakyat", dalam *Majalah Rakyat*, keluaran April-Jun 1993. Kuala Lumpur: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, h. 6.

Lumpur.¹⁴ Bank Rakyat juga mengumumkan rancangan untuk mengubah semua kemudahan perbankannya daripada sistem konvensional kepada sistem berlandaskan Syariah untuk menjadikannya sebagai bank kedua yang menawarkan produk perbankan Islam sepenuhnya. Sehingga akhir Februari 2002, terdapat 94 buah cawangan beroperasi sebagai cawangan perbankan Syariah sepenuhnya tanpa menawarkan sebarang kemudahan perbankan konvensional kepada pelanggannya.¹⁵

Sehingga 31 Disember 2000, Bank Rakyat mempunyai keahlian sebanyak 359 033 orang dan badan-badan koperasi sebanyak 878 keahlian.¹⁶ Keistimewaan yang diberikan oleh Bank Rakyat kepada ahli-ahlinya merupakan faktor utama yang mendorong kepada pertambahan bilangan ahlinya.

2.3 Wawasan dan Visi Bank Rakyat

Dalam usaha merealisasikan impian dan cita-cita, maka wawasan merupakan pemangkin kepada faktor kejayaan Bank Rakyat. Justeru itu, beberapa visi dan wawasan telah dirangka oleh Bank Rakyat, di antaranya¹⁷:-

¹⁴ Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (April-Jun 1993), *op.cit.*, h. 6.

¹⁵ Encik Muhamad Rosnu Abd. Ghafar, *op.cit.*

¹⁶ Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (2000), *Laporan Tahunan 2000*. Kuala Lumpur: Bank Rakyat, h. 25.

¹⁷ Lihat Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (2001), "Warga Kerja Disaran Berusaha Mencapai Wawasan Bank Rakyat", dalam *Majalah Rakyat*, bil. 1. Kuala Lumpur: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, h. 4.

- i. Bank Rakyat menjadi sebagai sebuah institusi kewangan yang dihormati, cekap dan profesional dalam segala urusan kerja, perniagaan dan perkhidmatan yang disediakan
- ii. Bank Rakyat menjadi institusi kewangan utama dan juga "*role model*" dalam mewujudkan dan melaksanakan pelbagai produk perbankan secara Syariah.
- iii. Bank Rakyat muncul sebagai koperasi kewangan unggul di Malaysia dan peranan serta prestasinya setanding dengan entiti yang sama yang terdapat di luar negara.
- iv. Bank Rakyat terkenal sebagai badan korporat penyayang kerana peranan dan sumbangannya terhadap kebajikan dan kesejahteraan masyarakat terutama kepada golongan yang kurang upaya.
- v. Bank Rakyat merupakan badan korporat penting dalam perancangan dan pelaksanaan proses pembangunan negara.
- vi. Bank Rakyat terkenal sebagai badan korporat yang mempunyai tenaga pekerja yang cemerlang dari segi komitmen, produktiviti, pengetahuan dan profesional dalam urusan kerja dan juga dari segi disiplin dan tatasusila.

- vii. Bank Rakyat terkenal sebagai badan korporat yang mempunyai persekitaran kerja yang sesuai dan selesa (*conducive*) bagi mendorong dan meningkatkan produktiviti dan kualiti.
- viii. Bank Rakyat terkenal sebagai sebuah organisasi kewangan yang berjaya membuktikan kebolehan Bumiputera dan dengan itu menjadi lambang kejayaan Bumiputera, terutamanya dalam bidang perniagaan perbankan.

2.4 Lagu Korporat Bank Rakyat¹⁸

Maju Bersama Bank Rakyat.

Bersama Seiring Sepadu

Memberi Khidmat Bermutu

Amanah Cekap Serta Mesra

Tuju Kemajuan Pesat

Pupuk Warga Kerja Cemerlang

Landaskan Ilmu Dan Nilai

Terapkan Amalan Yang Telus

Dengan Teknologi Moden

Mari Kita Tuju Ke Hadapan

Jadi Bank Koperasi Yang Unggul

¹⁸ Lihat Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (2001), "Lagu Korporat Bank Rakyat", dalam *Majalah Rakyat*, bil. 1. Kuala Lumpur: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, h. 24.

Berasaskan Perbankan Islam
Untuk Agama, Bangsa Dan Negara
Bergeraklah Dengan Iltizam
Capai Matlamat Dan Visi
Jayakan Anggota Dan Pelanggan
Maju Bersama Bank Rakyat

Lagu korporat Bank Rakyat ini adalah hasil ciptaan Haji Abu Hassan Haji Ali dan gubahan oleh Adnan Haji Abu Hassan. Lirik lagu tersebut telah dinukilkan oleh Dato' Dr. Zainul Bahrin Datuk Hj. Mohd Zain selaku Pengarah Urusan Bank Rakyat. Secara tidak langsung dengan adanya lagu korporat Bank rakyat ini, ianya mampu menaikkan lagi semangat seluruh warga kerjanya untuk bekerja dengan cekap, bermutu, mesra dan penuh iltizam.

2.5 Etos¹⁹ Bank Rakyat²⁰

1. Pelanggan keutamaan kami
2. Keselesaan kakitangan terjamin
3. Bersedia menghadapi pesaing

¹⁹ *Etos* didefinisikan sebagai sifat-sifat atau ciri-ciri sesuatu masyarakat atau kebudayaan. Sila lihat Dewan Bahasa dan Pustaka (1993), *Kamus Dewan*, cet. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 319

²⁰ Temubual dengan Encik Ramlan Bin Harun, Eksekutif Jabatan Perjawatan dan Perhubungan Perusahaan. Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad pada 28 Januari 2002 ; Lihat juga Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (2000), *op.cit.*, h. 25.

4. Maju bersama masyarakat
5. Berkhidmat bersama kerajaan
6. Pengurusan pendorong kejayaan

2.6 Rasional Logo Bank Rakyat²¹

Reka bentuk logo adalah merupakan satu transisi daripada logo asal kepada satu hasil rekaan yang lebih mantap dan bertenaga. Walaubagaimanapun, reka bentuk asal logo lama tetap dikekalkan dengan diberi sentuhan yang lebih moden sesuai dengan peredaran masa. Pengekalan reka bentuk logo lama ini juga menunjukkan bahawa Bank Rakyat tidak pernah lupa akan matlamat asal penubuhannya. Reka bentuk logo ini mempunyai jalinan-jalinan yang dirapatkan dan ini mencerminkan semangat kerjasama yang tinggi di antara pihak Bank dan pelanggannya. Dengan kerjasama ini, Bank Rakyat sentiasa memberi komitmen yang penuh untuk menjayakan misi pembangunan negara. Rekaan logo ini juga melambangkan satu ikatan padu yang menfokus kepada kestabilan, keutuhan dan perpaduan ummah. Segi tiga di tengah logo menunjukkan sasaran atau matlamat yang ingin dicapai oleh Bank Rakyat. Bentuk tersebut melambangkan sifat optimistik pihak Bank di atas setiap perkara yang telah dirancang untuk jangkamasa yang panjang.

Warna yang digunakan pada logo adalah warna jingga. Ia berjaya memberi satu impak kepada keseluruhan ciptaan logo ini. Warna jingga juga menampakkan

²¹ Encik Muhamad Rosnu Abd. Ghafar, *op.cit.*

unsur ceria, selesa, ramah dan menarik. Ia juga adalah warna tanah yang subur untuk rakyat. Ini adalah asas penubuhan Bank Rakyat, iaitu memberi penumpuan dan bantuan kepada rakyat yang terbabit di dalam sektor pertanian.

Berdasarkan imej Islam yang dimiliki, warna biru telah digunakan untuk menguatkan imej tersebut. Warna ini juga mempunyai unsur-unsur seperti kesejahteraan, kesegaran, kecintaan dan bersifat terbuka. Unsur-unsur warna tersebut amat bersesuaian dengan imej yang ditonjolkan oleh Bank Rakyat.

Warna putih yang digunakan pada perkataan Bank Rakyat adalah melambangkan ketelusan, kejujuran dan kesucian Bank Rakyat sebagai sebuah Bank Perbankan Syariah yang sentiasa berlandaskan hukum-hukum syarak dalam operasinya.

Muka taip (*typeface*) yang digunakan menampakkan imej moden dan dinamik yang dimiliki oleh Bank Rakyat. Muka taip yang condong melambangkan pergerakan ke satu arah yang bermaksud Bank Rakyat sentiasa bergerak ke hadapan seiring dengan kemajuan teknologi sejagat. Tulisan jawi dikekalkan kerana sistem yang berasaskan sistem perbankan Islam yang digunakan oleh pihak Bank. Tulisan 'Rakyat' ditebalkan untuk melambangkan keprihatinan yang diberi oleh Bank Rakyat untuk memenuhi keperluan rakyat yang menjadi tunggak penubuhannya.

2.7 Maklumat Korporat Bank Rakyat²²

Organisasi Bank Rakyat terdiri daripada Lembaga Pengarah yang dibantu oleh Jawatan Kuasa Audit, Majlis Pengawasan Syariah, Jawatankuasa Pengurusan yang terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Bahagian-bahagian Sokongan dan Jabatan-jabatan lain yang terlibat bagi melicinkan pelaksanaan operasi perbankan di Bank Rakyat.

2.7.1 Lembaga Pengarah

<i>Pengerusi</i>	: Dr. Norraesah Hj. Mohamed
<i>Pengarah Urusan</i>	: Dato' Dr. Zainul Bahrin Datuk Hj, Mohd. Zain
<i>Ahli-Ahli</i>	: Haji Yidris Abdullah
	: Haji Maliami Hamad
	: Datuk Yussof Abd. Manan
	: Dr. Mohd. Ali Haji Baharum
	: Dato' Talib Jamal
	: Dato' Haji Abdul Rashid Haji Abdul Rahman
<i>Setiausaha Bank</i>	: Puan Nasirah Aris

2.7.2 Jawatan Kuasa Audit Dalam

²² Lihat Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (2000), *op.cit.*, h. 3-13.

<i>Pengerusi</i>	: Belum dilantik
<i>Ahli-ahli</i>	: Tuan Haji Shuib
	: Puan Norizan Safie
	: Puan Fatimah Hashim

2.7.3 Majlis Pengawasan Syariah

Majlis Pengawasan Syariah (MPS) Bank Rakyat telah ditubuhkan pada 1 September 1994. Majlis ini ditubuhkan bagi mengawal dan memastikan segala perjalanan operasi perniagaan dan urusan pentadbiran sistem perbankan Syariah yang dijalankan di Bank Rakyat adalah berlandaskan Syariat Islam. Ia juga berperanan membantu jemaah Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan Bank Rakyat di dalam pembentukan dasar dan keputusan perniagaan yang akan dilaksanakan selaras dengan Hukum Syarak. Majlis Pengawasan Syariah juga dianggap sebagai sumber tertinggi dalam Bank Rakyat untuk menangani isu pelaksanaan dan kemusykilan mengenai hukum yang dibangkitkan oleh pelanggan dan masyarakat.

Jabatan Perundingan dan Pengawasan Syariah yang juga merupakan urusetia Majlis Penasihat Syariah berperanan mengendalikan penerangan mengenai Sistem Perbankan Syariah seperti mengadakan ceramah dan seminar sama ada kepada kakitangan bank, koperasi, sekolah atau masyarakat umum.²³ Majlis Pengawasan

²³Sila lihat *Majalah Rakyat* (t.t), "Edisi Khas", Kuala Lumpur: Bank Rakyat, h. 7 ; Lihat juga *Majalah Rakyat* (1994), "Bank Rakyat Tubuh Majlis Pengawasan Syariah", bil. 4. Kuala Lumpur: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad.

Syariah ini diwakili oleh Penasihat-penasihat Syariah dan beberapa orang kakitangan Bank Rakyat.

<i>Pengerusi</i>	: Dato' Haji Md. Hashim Haji Yahaya
<i>Ahli-ahli</i>	: Dato' Haji Hassan Haji Ahmad
	: Dato' Sheikh Ghazali Haji Abd. Rahman
	: Prof. Madya Dr. Ab. Halim Muhamad
	: Prof. Madya Md. Saleh Haji Md. @ Haji Ahmad
<i>Setiausaha</i>	: Haji Salehuddin Haji Yaacob

Anggota-anggota Majlis Pengawasan Syariah yang dilantik menganggotai Majlis Pengawasan Syariah terdiri daripada tokoh-tokoh agama yang berkaliiber dan berkeelayakan khusus dalam bidang syariah dan muamalat Islam. Mereka bertindak sebagai Penasihat dalam operasi perbankan di Bank Rakyat.

2.7.4 Jawatankuasa Pengurusan

Pengarah Urusan : Dato' Dr. Zainul Bahrin Datuk Haji Mohd. Zain

Pengurus Besar Kewangan

dan Perkhidmatan Korporat : Encik Alim Arifin

Pengurus Besar Operasi

Perbankan : Encik Mohd. Sharif Baharuddin

Ketua Sektor Pengurusan

Kewangan : Encik Kamaruzaman Che Mat

Ketua Sektor Operasi

Cawangan : Encik Hamid Che Mat

Ketua Sektor Perbankan

Korporat dan Sindikasi : Encik Tajuddin Amiruldin

Ketua Sektor Hal Ehwal

Awam dan Setiausaha

Bank : Puan Nasirah Aris

Ketua Sektor Teknologi

Maklumat dan Komunikasi : Mohamed Salim Mohd. Kassim

Ketua Sektor Pembangunan

Sumber Manusia : Yusof Abdul Rahman

Ketua Bahagian Hal Ehwal

Korporat dan Eksekutif

Khas Kepada Pengarah

Urusan : Ahmad Suhaimi Mohammed Yassin

2.7.5 Anak Syarikat

Syarikat subsidiari ini ialah sebuah syarikat di mana bank menguasai komposisi Lembaga Pengarah atau lebih daripada setengah kuasa mengundi dan memegang lebih daripada separuh saham-saham biasa yang diterbitkan oleh syarikat tersebut. Antara anak syarikat Bank yang masih beroperasi dan diperbadankan di Malaysia adalah seperti berikut:-

- i. Angkasa Raya Development Sdn. Bhd.

Aktiviti perniagaan: Pengurusan bangunan dan hartanah, penyewaan kereta dan jualan barangan elektrik

- ii. Aman Properties Sdn. Bhd.

Aktiviti perniagaan: Kegiatan pembangunan hartanah dan pembangunan projek

- iii. Shahaz Travel and Tours

Aktiviti perniagaan: Penyewaan kereta dan agensi pelancongan

- iv. Rakyat Corporation Sdn. Bhd.

Aktiviti perniagaan: Pengurusan dan pembangunan hartanah

2.7.6 Struktur Organisasi

Struktur organisasi Bank Rakyat terdiri daripada sektor utama, kemudian dibahagikan kepada beberapa bahagian utama yang disokong oleh beberapa jabatan di bawahnya²⁴.

2.8 Operasi Bank Rakyat

Bank Rakyat yang beroperasi di Bangunan Bank Rakyat, Jalan Tangsi merupakan ibu pejabat Bank Rakyat. Manakala operasi cawangan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu bahagian operasi cawangan satu dan bahagian operasi cawangan dua.²⁵ Bank Rakyat cawangan Jalan Tangsi beroperasi di bawah bahagian cawangan satu dan Bank Rakyat cawangan Jalan Ipoh beroperasi di bawah bahagian operasi cawangan dua. Seterusnya cawangan-cawangan lain dibahagikan kepada beberapa wilayah untuk memudahkan pengendalian dan pengurusan bank.

Bank Rakyat mempunyai bilangan kakitangan seramai 330 orang pegawai dan 185 kakitangan biasa di ibu pejabat Bank Rakyat, Jalan Tangsi, manakala bilangan kakitangan di cawangan-cawangan lain pula seramai 653 pegawai dan 1408 kakitangan biasa.²⁶

Pada tahun 2000, Bank Rakyat telah mengembangkan rangkaian cawangannya ke Kuala Kangsar, Keningau dan Sibu menjadikan bilangan

²⁴ Lihat lampiran 4

²⁵ Lihat lampiran 5

²⁶ Encik Ramlan Harun, *op.cit.*

keseluruhan cawangan kepada 85 buah. Pada tahun 2001, Bank Rakyat bercadang untuk membuka 10 lagi cawangan dan 5 lagi pada tahun berikutnya untuk menjadikan jumlah keseluruhan 100 buah. Sehingga akhir Februari 2002, Bank Rakyat telah berjaya menambah rangkaian cawangannya kepada 94 buah cawangan di seluruh Malaysia.²⁷

2.9 Sumber Dana Bank Rakyat

Sumber dana Bank Rakyat diperolehi daripada dana pemegang saham sebanyak RM933.20 juta million pada tahun 2000 berbanding tahun 1999 yang hanya sebanyak RM811.95 juta million.²⁸ Ini disebabkan pertambahan bilangan pemegang saham yang hanya seramai 276,691 pada tahun 1999 kepada 359,033 orang pada tahun 2000²⁹.

Keahlian saham Bank Rakyat adalah terbuka kepada individu perseorangan dan juga koperasi. Pemegang-pemegang saham perlulah membeli saham Bank Rakyat yang berjumlah RM10.00 seunit. Ahli individu perseorangan diwajibkan membeli 50 unit iaitu sebanyak RM500.00. Manakala ahli koperasi diwajibkan membeli 100 unit iaitu sebanyak RM1000.00. Manakala bayaran masuk untuk

²⁷ Encik Muhamad Rosnu Abd. Ghafar, *op.cit.*

²⁸ Berita Ekonomi (2001) "Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad Umum Prestasi Kewangan 2000" dalam *Dewan Ekonomi*, Mei 2001. h. 58.

²⁹ Tahun 2001 menyaksikan pertambahan bilangan ahli-ahlinya di mana Bank Rakyat mempunyai seramai 452,156 ahli individu. Lihat *Utusan Malaysia* (2001), "Bank Rakyat umum dividen 15 peratus bagi tahun 2001", Khamis 18 Julai 2002, h. 21.

membeli saham akan dikenakan sebanyak RM5.00 bersama-sama permohonan untuk menjadi ahli.³⁰

Di samping itu, Bank Rakyat turut mendapat pembiayaan dari kerajaan Malaysia. Pembiayaan yang diberikan oleh kerajaan Malaysia kepada Bank Rakyat adalah sebanyak RM155,000,000 iaitu semenjak tahun 1977. Pembiayaan ini juga tidak bercagar dan dikenakan faedah sebanyak empat peratus setahun atas baki tahunan.

2.10 Prestasi Kewangan

Prestasi tahun kewangan 2000 mencatatkan sejarah yang terulung dan terbaik sejak sepuluh tahun yang lepas apabila Bank Rakyat mendapat keuntungan bersih sebelum cukai dan zakat sebanyak RM242.2 juta million berbanding pada tahun 1999, di mana keuntungan bersih sebelum cukai dan zakat hanya mencapai RM130.5 juta million sahaja.³¹ Prestasi kewangan yang cemerlang ini telah membuka mata banyak pihak khususnya selepas pengumuman prestasi kewangannya yang dibuat oleh Dr. Norraesah Bt. Haji Mohamad³².

³⁰ Encik Muhamad Rosnu Abd. Ghafar, *op.cit.*

³¹ Dewan Ekonomi (Mei 2000), *op.cit.*, h. 58 ; Lihat Juga Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (2001), "Bank Rakyat Catat Sejarah – Untung RM242.2 Juta Tahun 2000", dalam *Majalah Rakyat*, bil. 2, h. 3.

³² Namun pada tahun 2001, Bank Rakyat telah berjaya mengekal dan meningkatkan lagi prestasi kewangannya di mana Bank Rakyat memperolehi keuntungan sebelum cukai dan zakat sebanyak RM285.4 juta, iaitu kenaikan 17.8 peratus berbanding RM242.2 juta pada tahun kewangan sebelumnya. Laporan kewangan ini telah diumumkan oleh Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi iaitu Tan Sri Kasitah Gadam. Menurut beliau, sepanjang tahun 2001 Bank Rakyat memperolehi pendapatan bersih sebanyak RM656.1 juta, meningkat 18.6 peratus berbanding RM553 juta tahun

Begitu juga dengan rizab kerugian Pembiayaan Bagi Pinjaman Tak Berbayar (NPL) terus bertambah baik pada tahun 2000 berbanding pada tahun 1999. Jumlah aset Bank Rakyat juga mencatat peningkatan sebanyak 20.5 peratus kepada RM8.7 bilion daripada RM 7.2 bilion pada tahun sebelumnya.³³

Pertumbuhan Pembiayaan Bank Rakyat adalah pada kadar 22.8 peratus, meningkat daripada RM 4.8 bilion kepada 5.9 bilion dalam tahun kewangan 2000, manakala jumlah pelaburan AI-Mudharabah dan Sijil Pembiayaan Bank Rakyat meningkat sebanyak 20.5 peratus kepada RM7.4 bilion berbanding RM6.1 bilion pada tahun sebelumnya. Nisbah Kecukupan Modal (RWCR) pula berada pada tahap 15.9 peratus, berbanding keperluan minimum Bank Negara Malaysia sebanyak 8.0 peratus.³⁴

2.11 Kesimpulan

Kesimpulannya, Bank Rakyat yang ditubuhkan di bawah Ordinan Syarikat Kerjasama 1948 dan juga berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 yang memerlukan Bank Rakyat merujuk terus kepada Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

kewangan sebelumnya. Bank Rakyat juga telah menetapkan pembayaran dividen sebanyak 15 peratus kepada ahli-ahlinya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2001. Lihat *Berita Harian* (2002), "Bank Rakyat umum dividen 15 peratus", Selasa 27 Ogos 2002, h. 21.

³³ *ibid.* ; Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (2001), *op.cit.*, h. 3.

³⁴ *ibid.* ; Lihat juga *Laporan Tahunan 2000*. Kuala Lumpur: Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, hal 82.

Setelah hampir menjangkau usia 54 tahun beroperasi, Bank Rakyat masih mampu teguh dan telah berjaya mengharumkan nama sebagai bank koperasi pertama di Malaysia yang unggul dengan melaksanakan sistem perbankan Syariahnya. Ia juga telah mendapat sambutan yang menggalakkan di segenap lapisan masyarakat Malaysia. Dividen yang begitu kukuh dihadiahkan kepada pelanggan-pelanggannya telah berjaya menarik minat orang ramai untuk menyertai perbankan Islam di Bank Rakyat, malahan ia juga sebagai persaingan kepada sistem perbankan Islam yang lain.